

17 FEB 1998

Pernyataan

MALAYSIA AKAN TERUS BEKALKAN AIR KE SINGAPURA SELEPAS 2061

KUALA LUMPUR, 17 Feb (Bernama) -- Malaysia telah bersetuju untuk meneruskan pembekalan air ke Singapura selepas tahun 2061 berikutan rundingan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura Goh Chok Tong di sini.

Persetujuan itu akan disahkan dalam satu perjanjian dalam tempoh 60 hari, menurut pernyataan bersama yang dikeluarkan oleh Kementerian Luar hari ini.

"Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk meneruskan pembekalan air ke Singapura selepas tamatnya Perjanjian 1961 pada tahun 2011 dan Perjanjian 1962 pada tahun 2061, di samping Perjanjian 1990 yang berkaitan dengannya, mengikut syarat-syarat yang akan dipersetujui bersama oleh kedua-dua kerajaan," kata pernyataan itu.

Malaysia membekalkan 214 juta liter air mentah sehari ke Singapura dan membeli balik air yang sudah ditapis daripada loji milik Singapura di Johor.

Pernyataan yang memberi tanda jelas tentang pulihnya hubungan antara kedua-dua negara selepas pertemuan kedua-dua perdana menteri itu semalam, berkata pegawai Malaysia dan Singapura juga akan menyambung rundingan dalam tempoh 60 hari untuk menyiapkan satu perjanjian khas bagi merujuk tuntutan bertindih mereka terhadap Pulau Batu Puteh ke Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ).

Rundingan mengenai pulau kecil di luar pantai Johor yang juga dipanggil Pedra Branca oleh Singapura itu, telah berjalan selama dua tahun lepas.

Pernyataan itu berkata persetujuan-persetujuan yang dicapai antara kedua-dua pemimpin itu telah meletakkan "asas yang kukuh" untuk Malaysia dan Singapura bekerjasama rapat dalam alaf akan datang.

Kedua-dua kerajaan juga bersetuju untuk mempertingkatkan usaha bagi menyelesaikan soal-soal perkaitan Perkara yang Dipersetujui (POA) mengenai tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTM) di Tanjung Pagar, Singapura.

Dr Mahathir telah menyatakan dalam temubual dengan Straits Times Singapura baru-baru ini bahawa Malaysia mempunyai takrif yang berbeza mengenai POA yang ditandatangani di Singapura pada 1990 antara Menteri Kewangan ketika itu Tun Daim Zainuddin dengan Perdana Menteri Singapura ketika itu Lee Kuan Yew untuk memajukan tanah KTM itu.

Dr Mahathir dan Goh bersependapat bahawa mereka perlu berusaha ke arah menggunakan sepenuhnya potensi yang ada dalam hubungan antara kedua-dua negara berdasarkan prinsip "memakmurkan jiran anda" memandangkan keistimewaan hubungan antara kedua-dua negara.

Mereka juga mengakui bahawa krisis kewangan yang dihadapi rantau ini telah menekankan lagi tentang perlunya kedua-dua negara bekerjasama dengan rapat dalam semua bidang yang mungkin.

Malaysia dan Singapura akan bekerjasama antara satu sama lain dan dengan rakan-rakan mereka dalam Asean untuk menstabilkan semula kedudukan mata wang rantau ini dan mengkaji cadangan bagi penggunaan mata wang serantau dan pilihan-pilihan lain untuk membiayai perdagangan dalam lingkungan Asean.

Mereka juga akan mempertingkatkan usaha untuk bekerjasama dalam bidang perbankan dan kewangan.

Kedua-dua negara juga menyambat baik pelaburan dari negara satu sama lain dan Singapura turut melahirkan keyakinan penuh kepada prospek ekonomi Malaysia.

"Dalam hubungan ini, kedua-dua Perdana Menteri menekankan tentang perlunya pemegangan kepentingan secara timbal balas dalam bidang infrastruktur dan sektor ekonomi yang lain supaya sesebuah negara akan mempunyai kepentingan dalam kemakmuran dan masa depan ekonomi di negara yang satu lagi," kata kenyataan itu.

Mereka menyambut baik penubuhan Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura oleh sektor swasta untuk mempertingkatkan perdagangan dan pelaburan di samping untuk mengukuhkan lagi sinergi ekonomi dan perniagaan di kalangan pertubuhan perniagaan masaing-masing.

Kedua-dua pihak juga bersetuju untuk mempertingkatkan kerjasama dua hala dalam bidang pelancongan termasuk latihan guna tenaga. -- BERNAMA  
TCL MAM NMO